



BERNAMA

[BERNAMA.com](#)
[BERNAMA TV](#)
[BERNAMA Radio](#)
[BERNAMA Images](#)
[MyCheck](#)
[HAWANA 2023](#)
[Sukan Para ASEAN ke-12](#)
[Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42](#)
[Bencana Negara](#)
[COVID-19 & Vaksinasi](#)
[Carian](#)
[Utama](#)
[Am](#)
[Jenayah & Mahkamah](#)
[Ekonomi](#)
[Sukan](#)
[Politik](#)
[Fokus BERNAMA](#)
[Tinta Minda](#)
[Meta@BERNAMA](#)
[Laman Korporat](#)

[Muat turun BERNAMA App](#)

EKONOMI

TDM TEROKA POTENSI PELANCONGAN KESIHATAN PERINGKAT ANTARABANGSA



Kredit foto: TDM

08/06/2023 08:52 PM

KUALA TERENGGANU, 8 Jun (Bernama) – Anak syarikat kerajaan Terengganu, TDM Bhd, menyasar untuk meneroka sektor pelancongan kesihatan antarabangsa mulai 2024.

Pengerusi, Datuk Tengku Farok Hussin Tengku Abdul Jalil berkata perkhidmatan penjagaan kesihatan bagi pelancongan kesihatan antarabangsa akan dimulakan oleh cabang penjagaan kesihatan TDM, Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd (KMI Healthcare) menerusi cawangan Pusat Perubatan KMI Tawau, Sabah untuk menarik prospek pelancong dari Indonesia.

"Menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) baru-baru ini pula, kita menyasar untuk menarik minat pelancong dari Thailand.

"Memandangkan Terengganu pula kini pesat dengan sektor pelancongan, kita juga menyasar untuk membangunkan sektor (pelancongan kesihatan) itu dengan harapan boleh menjadi seperti Melaka, apabila pelancong bukan sekadar melancong malah turut mendapatkan rawatan kesihatan di hospital di sana," katanya di sini, pada Khamis.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat agung tahunan TDM Bhd kali ke-58 bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2022 di sini.

Beliau berkata sasaran itu ditetapkan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat dalam sektor tersebut sekali gus melipatgandakan keuntungan yang direkodkan pada tahun kewangan 2022.

Berdasarkan Laporan Tahunan TDM 2022, KMI Healthcare memiliki dan mengendalikan lima hospital pakar yang menawarkan perkhidmatan penjagaan kesihatan pada harga berpatutan kepada masyarakat.

Lima hospital itu ialah Pusat Perubatan KMI Kelana Jaya (Selangor), Pusat Perubatan KMI Kuantan (Pahang), Pusat Perubatan KMI Kuala Terengganu (Terengganu), Pusat Perubatan KMI Taman Desa (Kuala Lumpur) dan Pusat Perubatan KMI Tawau (Sabah).

TDM Bhd, dengan 59.67 peratus kepentingannya dimiliki Terengganu Incorporated Sdn Bhd, yang memfokuskan perniagaan segmen perladangan dan penjagaan kesihatan, merekodkan pendapatan sebanyak RM614.16 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2022 iaitu peningkatan sebanyak 20 peratus berbanding tahun sebelumnya.

– BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; [www.bernama.com](#); BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 IFLIX dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan RM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bemamaradio](#)Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#), [@bernamaradioofficial](#)TikTok : [@bernamaofficial](#)

BERNAMA

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA
No.28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

[+603 2693 9933 / +603 2631 1000 \(Talian Am\)](#)
[+601 6415 2766 \(Bernama.com\)](#)
[+603 2631 1535 / 1252 \(Wires\)](#)
[+603 2631 1112 \(Digital Services\)](#)
[+603 2631 1123 \(PR/MREM Services\)](#)
[+603 2631 1510 \(Subscription\)](#)
[+603 2631 1447 \(Bernama TV\)](#)
[+603 2692 9739 \(Bernama Radio\)](#)
[helpdesk\[at\]bernama.com](mailto:helpdesk[at]bernama.com)


Kategori

- Am
- Ekonomi
- Pasaran
- Tenaga
- Sukan
- Politik
- B Fokus
- Rencana
- Dunia
- Nam News Network (NNN)
- Tinta Minda
- Infografik
- Video
- Images
- Siaran Media Eksklusif
- Arkib

Laman Mikro

- Sukan Komanwel 2022
- BAJET 2022
- Kesihatan
- PRU15
- Johor Votes 2022
- Sarawak Tok
- Bencana Negara

Wilayah

- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

Lain-lain

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Produk dan Perkhidmatan
- Kerjaya@BERNAMA
- Sebutarga / Tender
- Maklum Balas Pelanggan 2023